



### **RASIONAL LOGO**

1. Logo perayaan mengandungi glob yang melambangkan dunia tempat wujudnya semua Negara.
2. Glob ini dibaluti oleh bendera Malaysia dan Sarawak yang melambangkan kesetiaan, keutuhan dan perpaduan yang erat dan abadi seluruh rakyat di Sarawak dan Malaysia.
3. Glob, bendera Malaysia dan Sarawak juga menggambarkan kemajuan yang tercapai dan harapan untuk negeri Sarawak menuju ke taraf yang terbaik dunia.
4. Angka 45 melambangkan usia kelahiran Sarawak dalam Malaysia dan tempoh Sarawak maju dalam Malaysia dari tahun 1963 hingga tahun 2008.
5. Angka 4 yang disambung dengan angka 5 dengan tangga melambangkan usaha yang berterusan untuk meningkatkan kemajuan ke tahap yang lebih tinggi menuju peringkat global. Angka 4 juga bermakna Empat Teras utama pembangunan negeri Sarawak yang terlaksana sejak tahun 1963 iaitu (a) Kemerdekaan (b) Dasar Politik Pembangunan (c) Realiti Baru – COME (Change, Opportunity, Mobility, Equality) (d) Gelombang Pembangunan Kedua – SCORE
6. Keempat-empat teras ini melambangkan iltizam dan kegigihan Kerajaan Negeri membangunkan Sarawak menjadi negeri yang maju.